

# GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KURSUS *WE ARE THE HOST* *(WATH)*



# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KURSUS *WE ARE THE HOST***

## **1. TUJUAN**

1.1. Garis Panduan ini bertujuan menetapkan keperluan syarat dan prosedur pelaksanaan kursus *We Are The Host* secara keseluruhannya, bermula dari penyediaan sesi Training of Trainer (TOT), *We Are The Host* sehinggalah kepada pelaksanaan kursus *We Are The Host*. Garis panduan ini juga menerangkan mengenai tatacara pengendalian sesi *Training of Trainer* (TOT) bagi sektor kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) yang akan melaksanakan kursus ini di seluruh Malaysia.

## **2. OBJEKTIF**

2.1 Objektif Garis Panduan ini adalah untuk:-

- i) Memastikan penceramah yang dipilih mempunyai kelayakan, kebolehan dan kapasiti untuk mengendalikan kursus *We Are The Host*,
- ii) Memastikan proses dan prosedur pelaksanaan Kursus *We Are The Host* dilaksanakan dengan betul, seragam dan teratur serta sempurna mengikut syarat-syarat pengendalian yang telah ditetapkan;
- iii) Membantu melancarkan proses kelulusan dan permohonan oleh NGO yang ingin melaksanakan Kursus *We Are The Host*; dan
- iv) Dapat melahirkan semangat berkerjasama di antara sektor kerajaan dengan bukan kerajaan (NGO) bagi menjayakan Kursus *We Are The Host*.

## **3. TARIKH BERKUATKUASA**

3.1 Garis Panduan ini berkuatkuasa pada **1 September 2013**.



#### 4. LATAR BELAKANG KURSUS WE ARE THE HOST

Modul Kursus *We Are The Host* ini adalah hasil daripada penambahbaikan dan pengemaskinian Modul Mesra Malaysia yang telah dilaksanakan dari tahun 2007 sehingga 2012. Kursus *We Are The Host* ini menggantikan Modul Mesra Malaysia sedia ada untuk melatih semua barisan hadapan di dalam sektor pelancongan. Ini adalah selaras dengan usaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk melaksanakan Promosi *Visit Malaysia Year* pada tahun 2013 di mana Malaysia akan menjadi Tuan Rumah bagi *Visit Malaysia Year* pada tahun 2014.

#### 5. OBJEKTIF KURSUS WE ARE THE HOST

5.1 Objektif pelaksanaan Modul '*We Are The Host*' ini adalah bagi:

- (i) Memberi **pendedahan** secara langsung kepada **penggiat** dan **barisan hadapan industri pelancongan** mengenai **halatuju industri pelancongan** Malaysia yang telah disasarkan oleh ***New Key Economic Area (NKEA)***, ***Malaysia Tourism Transformation Plan (MTTP)***.
- (ii) Memastikan setiap **barisan hadapan** memahami **kepentingan** dan **sasaran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan** untuk mencapai kedatangan **36 juta** pelancong dengan pendapatan sebanyak **RM168 billion** pada tahun 2020.
- (iii) Mempersiapkan **kakitangan barisan hadapan** dan **rakyat Malaysia** secara keseluruhannya untuk menjadi lebih berpengetahuan, mesra kepada pelancong dan mengamalkan budaya ***Think Tourism*** dan ***Act Tourism*** bagi menghadapi **Tahun Melawat Malaysia (VMY) 2014**.
- (iv) **Berkongsi** dan **memaklumkan** kepada semua penggiat industri pelancongan mengenai ekspektasi dan keperluan negara untuk menjadi **negara pelancongan utama yang bertaraf dunia**.



## **TRAINING OF TRAINER (TOT) BAGI KURSUS WE ARE THE HOST**

1. Pelaksanaan Sesi '*Training of Trainer*', *We Are The Host* adalah bertujuan untuk memastikan keperluan yang disasarkan bagi kepentingan industri pelancongan negara dapat dicapai. Pelaksanaan kursus ini disasarkan untuk melatih **Master Trainer** atau **penceramah** agar memahami dan bersedia untuk melahirkan barisan hadapan yang lebih berkualiti. Ini secara langsung akan memberi impak yang signifikan di dalam meningkatkan mutu perkhidmatan barisan hadapan/ frontliners melalui kursus intensif secara langsung dari pihak pengurusan organisasi sendiri. Bagi Penggiat Industri/ *Key Personnels* akan melatih semua kakitangan mereka dalam kursus-kursus yang akan dianjurkan oleh mereka.

### **2. OBJEKTIF TRAINING OF TRAINER (TOT) BAGI KURSUS WE ARE THE HOST**

2.1 Objektif pelaksanaan Sesi '*Training of Trainer*' bagi Kursus *We Are The Host* ini adalah bagi:

- i) Memastikan setiap maklumat, fakta dan isi kandungan di dalam Modul *We Are The Host* yang telah dirancang oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK) Berjaya disampaikan kepada semua peserta latihan kerana *Key Personnels/ Trainers* di Organisasi/ Persatuan akan melatih *frontliners* masing-masing menggunakan Modul *We Are The Host* ini .
- ii) Mempersiapkan dan melatih *Master Trainer* atau penceramah agar memahami dan bersedia untuk melahirkan barisan hadapan yang lebih berkualiti.
- iii) Berkongsi dan memaklumkan kepada semua peserta latihan agar lebih memahami Modul *We Are The Host* ini yang secara langsung akan dapat mengeratkan kerjasama strategik di antara Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan penggiat-penggiat utama industri pelancongan di Negara.



### 3. SYARAT-SYARAT MENJADI *TRAINER WE ARE THE HOST*

- i) Pegawai Kerajaan KPK, TM dan pejabat KPK negeri (gred 48 ke atas).
- ii) Penceramah bertauliah yang dilantik oleh KPK.
- iii) Lain-lain penceramah yang diberi kelulusan oleh KPK dengan mengikut syarat yang berikut:
  - (a) berumur **30** tahun ke atas;
  - (b) mempunyai pengalaman tidak kurang dari **lima (5) tahun** di dalam bidang pengendalian kursus/latihan, konsultan atau
  - (c) mempunyai pengalaman tidak kurang dari **lima (5) tahun** mengajar/melatih di dalam bidang pelancongan dan pengembaraan;
  - (d) telah menyertai dan mengikuti sesi *Training of Trainer* yang telah dianjurkan oleh KPK;
  - (e) telah berjaya mendapat sijil pengiktirafan TOT daripada KPK; dan
  - (d) mempunyai rekod yang bersih.

### 4. KOS/YURAN PELANTIKAN PENCERAMAH

- 4.1 **Yuran penceramah** terdapat **(2) kategori** iaitu yuran kepada **pegawai Kerajaan** dan **bukan kerajaan**. Berikut adalah yuran bagi pegawai Kerajaan tetap, kontrak, sementara, sambilan dan sangkut yang memberi syarahan/ ceramah secara sambilan atau menjadi fasilitator adalah layak dibayar atas kadar seperti berikut:



**A) KADAR BAYARAN PENCERAMAH (KERAJAAN) -**

**Pekeliling Perbendaharaan bil. 2 tahun 2005**

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Bayaran Saguhati		Had Maksimum Sebulan
	Pensyarah/ Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM300.00	RM100.00	Tidak melebihi 1/2 daripada gaji bulanan pegawai
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54	RM200.00	RM100.00	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 45 & 52	RM150.00	RM90.00	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41 & 44	RM120.00	RM80.00	
Kumpulan Sokongan	RM80.00	RM60.00	

**A) KADAR BAYARAN PENCERAMAH (BUKAN KERAJAAN) -**

**Pekeliling Perbendaharaan bil. 19 tahun 2002**

KADAR ASAS MENGIKUT KELAYAKAN AKADEMIK			
Diploma/ Sijil	Sarjana Muda	Sarjana	Ph.D.
RM100 sejam	RM200 sejam	RM300 sejam	RM400 sejam

4.2 Bagi penceramah tertentu yang mempunyai pengalaman atau kepakaran khusus sama ada dari dalam atau luar negara bayaran elaun ex-gratia tambahan tidak melebihi 20% daripada kadar di atas boleh diluluskan oleh jawatankuasa/ panel yang bertanggungjawab ke atas hal-hal latihan di agensi.



## 5. PENGANJURAN TRAINING OF TRAINER (TOT), WE ARE THE HOST

5.1 Hanya **ibu pejabat KPK** sahaja yang dibenarkan untuk menyediakan *Training of Trainer, WE ARE THE HOST*.

5.2 KPK yang akan menyediakan persediaan untuk TOT seperti:

- i) Makanan dan minuman peserta untuk sepanjang sesi latihan;
- ii) Lokasi latihan;
- iii) Penceramah;
- iv) Kit latihan (*Softcopy*):

- a) *Modul We Are The Host*
- b) *Video VMY*
- c) *Video Greetings We Are The Host*

- v) *Trainer's Manual*;
- vi) Lapel pin; dan
- vii) Sijil Peserta

5.3 Bagi pihak swasta yang bekerjasama dengan KPK, pihak penganjur latihan akan **memohon/memaklumkan** kepada ibu pejabat **KPK** sekurang-kurangnya **2 bulan** sebelum tarikh latihan bagi penyediaan latihan seperti yang tertera di bawah:-

PERSEDIAAN TRAINING OF TRAINER (TOT)	
PERSEDIAAN OLEH KPK	PERSEDIAAN OLEH PIHAK SWASTA
i) Penceramah	i) Makanan dan minuman peserta untuk sepanjang sesi latihan
ii) <i>Trainer's Manual</i>	ii) Lokasi latihan
iii) Lapel pin	
iv) Kit latihan ( <i>Softcopy</i> ):	
a) <i>Modul We Are The Host</i>	
b) <i>Video VMY</i>	
c) <i>Video Greetings We Are The Host</i>	
v) Sijil Peserta	

\* Skop di atas bergantung kepada budi bicara KPK.



- 5.4 Pemohon juga perlu **mengisi borang permohonan** dan perlu mengemukakan kepada **Bahagian Pembangunan Industri** selewat-lewatnya **2 bulan** sebelum tarikh latihan dibuat seperti di **Lampiran A**.
- 5.5 **Tempoh *Training of Trainer*** telah ditetapkan oleh KPK selama **2 hari (penuh)** selaras di seluruh Malaysia.
- 5.6 Jumlah maksimum peserta untuk setiap sesi adalah **50** orang sahaja.

## **6. PENGELUARAN SIJIL TOT**

- 6.1 **Sijil Pengiktirafan TOT** akan dikeluarkan oleh urusetia TOT pada **hari ke-2/ semasa majlis graduan** oleh KPK.

## **7. PEMAKAIAN DAN DISIPLIN**

- 7.1 Peserta latihan boleh diambil tindakan sekiranya melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh KPK semasa sesi latihan berlangsung. Semua peserta yang menyertai TOT perlu mematuhi syarat yang berikut:
- i) Peserta perlulah berpakaian formal dan menutup aurat;
  - ii) Tidak dibenarkan merokok semasa di dalam bilik latihan;
  - iii) Tidak dibenarkan membawa minuman keras semasa latihan;
  - iv) Peserta tidak dibenarkan menggunakan perkataan yang tidak baik, bergaduh, atau yang mendatangkan gangguan kepada peserta lain; dan
  - v) Tidak dibenarkan mengkritik peserta lain, organisasi ataupun kerajaan, dan berkempen politik.





## PELAKSANAAN KURSUS *WE ARE THE HOST*

PERKARA	KURSUS <i>WE ARE THE HOST</i>
<b>Tempoh</b>	1 hari
<b>Sasaran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pegawai dan kakitangan kerajaan seperti dari Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen, Kereta api Malaysia Berhad (KTBM), Polis Pelancong, kakitangan airport;</li> <li>• <i>Frontliners</i> dan pengusaha hotel bertaraf bintang dan hotel bajet;</li> <li>• Pemandu pelancong bandar dan amal semula jadi;</li> <li>• Pemandu teksi, kereta sewa, bot pelancong;</li> <li>• Ahli-ahli Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Persatuan Homestay Malaysia, Malaysia Travel and Tour Association (MATTA), Malaysia Tourist Guide Council (MTGC), Malaysia Association of Hotel (MAH);</li> <li>• Para pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi melalui kelab pelancongan pelajar dan sebagainya; dan</li> <li>• Seluruh rakyat Malaysia dari peringkat akar umbi ke pihak atasan.</li> </ul>

### 2. PELAKSANA KURSUS *WE ARE THE HOST*

- 2.1 Semua Pejabat KPK Negeri, TM, Institut Latihan Pelancongan (ILP), *Key Personnels* dari setiap NGO atau organisasi dan agensi di bawah KPK mengikut negeri masing-masing seperti di **Lampiran B**.
- 2.2 Pemohon perlu memohon kepada Pejabat KPK Negeri selewat-lewatnya **2 bulan** sebelum tarikh kursus dibuat.



### 3. YURAN PENYERTAAN

#### Kakitangan Awam:-

3.1 Yuran Penyertaan bagi peserta adalah **percuma** bagi kursus yang dikendalikan oleh pejabat kerajaan.

#### NGO/ Swasta/ ILP:-

3.2 Yuran Penyertaan adalah **tidak melebihi** pada kadar **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) sahaja** bagi setiap seorang wakil dari peserta. Yuran tidak boleh dituntut semula sekiranya peserta tidak dapat menghadiri kursus sepenuhnya.

### 4. PENYEDIAAN SIJIL

4.1 Bagi kursus yang dikendalikan oleh KPK sijil penyertaan akan dikeluarkan pada tarikh yang sama di akhir kursus.

4.2 Pihak penganjur kursus perlu mengemukakan Laporan Pelaksanaan Kursus kepada KPK dalam tempoh 3 hari bekerja mulai tarikh tamat kursus beserta:-

- (a) Surat permohonan pengeluaran sijil penyertaan
- (b) Laporan lengkap beserta senarai nama peserta

4.3 Sijil penyertaan akan dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja selepas dokumen dihantar. Contoh surat dan laporan adalah seperti di **Lampiran C dan D**

### 5. PEMBELIAN BUKU KERJA PESERTA

PERKARA	PENERANGAN
1) Tempoh	Pihak penganjur latihan perlulah memohon selewat-lewatnya <b>2 bulan</b> sebelum tarikh kursus dibuat
2) Harga	RM10.00
3) Cara pembayaran	Menggunakan wang pos
4) Cara memohon buku	Perlulah menghantar surat permohonan seperti di <b>Lampiran E</b>
5) Tempoh pengambilan buku	Dalam tempoh 7 hari bekerja selepas surat permohonan dihantar ke pejabat KPK negeri.



## 6. MEKANISMA PENGANJURAN KURSUS WE ARE THE HOST

- 6.1 Untuk maklumat proses pelaksanaan dari peringkat permohonan sehingga pengeluaran sijil penyertaan bagi pihak swasta, sila rujuk ke Lampiran F disini.
- 6.2 Pihak swasta boleh menganjurkan kursus *We Are The Host* sendiri atau bekerjasama dengan Pejabat KPK Negeri mengikut negeri masing-masing.
- 6.2 Untuk maklumat proses pelaksanaan kursus dari peringkat permohonan sehingga pengeluaran sijil penyertaan bagi pihak bukan kerajaan (NGO) pula, sila rujuk ke Lampiran G disini.
- 6.3 Merujuk pada Lampiran G pihak bukan kerajaan (NGO) boleh memohon **seedfund** sebanyak **RM10,000.00** kepada KPK sebelum atau selewat-lewatnya **3 bulan** sebelum tarikh kursus diadakan.

## 7. PEMANTAUAN

- 7.1 Pejabat KPK Negeri perlu memantau setiap penganjuran kursus yang dilaksanakan oleh agensi/ organisasi di setiap negeri masing-masing.
- 7.2 Pada minggu pertama setiap bulan Pejabat KPK Negeri perlu melapor/ menghantar statistik penganjuran kursus kepada KPK bagi tujuan pemantauan.
- 7.3 Wakil dari Pejabat KPK Negeri perlu hadir semasa kursus diadakan bagi memantau perjalanan kursus supaya kursus yang dijalankan mematuhi dan memenuhi garis panduan yang telah ditetapkan.



Sebarang pertanyaan mengenai garis panduan ini hendaklah dikemukakan kepada:-

Puan Nadia Monira Mohamed Taib  
03-8891 7498 / e-mel [nadiamonira@motac.gov.my](mailto:nadiamonira@motac.gov.my)

Sebarang surat menyurat / pertanyaan juga boleh di alamatkan kepada :

**Bahagian Pembangunan Industri  
Kementerian Pelancongan & Kebudayaan Malaysia  
Tingkat 14, No. 2, Menara 1  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA**

**Tel : +603- 8891 7000(G/L)  
Fax :+603- 8891 7473**

